

CNS1761

U GB 22-06 00224 BA408

aab

Mahathir-Melayu
daripada Abdul Rahman Sulaiman

SANTIAGO, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa orang pertama yang belayar mengelilingi dunia ialah orang Melayu yang dikenali sebagai Henry the Black.

Henry the Black merupakan salah seorang anak kapal dengan ahli pelayaran terkenal Sepanyol, Ferdinand Magellan yang tiba di Timur Jauh melalui Amerika Selatan pada 1521.

Perdana Menteri menyingkap sejenak sejarah semasa berucap kepada sekumpulan peniaga Chile ketika menjejaki permulaan hubungan antara Malaysia dan rantau Amerika Selatan.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, hubungan pertama antara rantau ini dan Malaysia dibuat pada kurun ke-16 semasa ahli pelayaran terkenal, Ferdinand Magellan tiba di Timur Jauh melalui Amerika Selatan pada 1521, katanya.

Fakta yang kurang diketahui mengenai pelayaran itu ialah salah seorang anak kapalnya, Henry the Black, adalah seorang Melayu dari Filipina yang ditawan oleh penjajah Sepanyol sebelumnya, katanya lagi.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Ferdinand Magellan, yang nama Portugisnya ialah Fernao de Magalhaes, adalah seorang warga Portugal yang berkhidmat di bawah Alfonso de Albuquerque di Melaka.

Katanya, memandangkan Magellan mati di Filipina, maka orang pertama yang belayar mengelilingi dunia sebenarnya ialah Henry the Black.

Juan Sebastian Del Cano, yang mengambil alih selepas kematian Magellan kemungkinannya merupakan orang kedua yang belayar mengelilingi dunia, tegasnya. -- lagi

♥22/06/17-48MST

CNS1768

U GB 22-06 00161 BA409

aab

Mahathir-Melayu 2 Santiago

Perdana Menteri berkata seterusnya pada kurun ke-19, pokok getah dari rantau ini diperkenalkan di Malaysia dan sejak itu, Malaysia dikenali seluruh dunia kerana eksport getahnya yang bermutu tinggi, jumlahnya yang besar dan teknologi yang dimajukan berkaitan dengan pengeluaran getah asli.

Katanya, walaupun rantau ini dan Malaysia dipisahkan oleh Lautan Pasifik yang luas, namun hasil kemajuan dan pencapaian dalam bidang pengangkutan dan perhubungan, jaraknya telah dapat dikurangkan.

Kini, katanya, adalah mudah bagi penduduk dari pada kedua-dua rantau untuk melawat dan berhubung sesama mereka.

Beliau menyeru peniaga Chile dan Malaysia supaya mempereratkan hubungan antara mereka.

Kepada pengusaha-pengusaha Chile, Perdana Menteri menawarkan Malaysia sebagai depot dan pangkalan pengedaran segera dan berkesan eksport mereka ke rantau Asia Tenggara dan Asia Barat.

Ini adalah kerana penghantaran terus dari Chile ke pelbagai negara di rantau ini adalah amat mahal dan jadual pelayaran yang tidak banyak, disebabkan oleh kekurangan kapal.

Perdana Menteri memberitahu peniaga-peniaga itu bahawa Malaysia juga menyambut baik penubuhan ibu pejabat serantau dan menawarkan insentif bagi penubuhannya di Malaysia.

Eksekutif-eksekutif syarikat menikmati kehidupan yang cukup baik di Malaysia kerana adanya alat perhubungan yang sempurna, sarahidup yang rendah dan kedapatan makanan dan barangan dari seluruh dunia, katanya.

Kadar tahunan inflasi kita adalah antara dua dan empat peratus dan sebahagian besar barangan mewah dikecualikan daripada cukai, beliau menjelaskan. -- Bernama